



GARIS PANDUAN MENJELASKAN PERENGGAN KETIDAKPAKAIAN DALAM KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN)

1. PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan maksud **ketidakpakaian** di dalam pemberian elaun modal dipercepatkan di bawah beberapa Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan).

2. LATAR BELAKANG

Peruntukan perenggan ketidakpakaian dalam setiap Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan berhubung dengan elaun modal dipercepatkan adalah bagi menyekat pembayar cukai menuntut elaun modal dipercepatkan sekiranya dalam tahun taksiran yang sama turut menikmati insentif lain iaitu seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan berikut :

2.1 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) 2008 [P.U.(A) 357/2008]

Di bawah P.U.(A) 357/2008, ketidakpakaian adalah seperti pada perenggan 6. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai kepada –

- (a) suatu syarikat yang –
 - (i) lebih daripada lima puluh peratus daripada modal berbayar berkenaan dengan syer biasa syarikat itu secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat berkaitan;
 - (ii) lebih daripada lima puluh peratus daripada modal berbayar berkenaan dengan syer biasa syarikat berkaitan itu secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat yang mula-mula disebut; atau
 - (iii) lebih daripada lima puluh peratus daripada modal berbayar berkenaan dengan syer biasa syarikat yang mula-mula disebut dan syarikat berkaitan itu secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat yang lain; atau

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (b) suatu syarikat yang telah diberikan apa-apa insentif di bawah APP 1986 atau EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967 dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; atau
- (c) suatu syarikat adalah layak untuk mendapat suatu elaun di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP 1967 dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dan suatu tuntutan telah dibuat berhubung dengan elaun itu.

2.2 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) 2008 [P.U.(A) 358/2008]

Di bawah P.U.(A) 358/2008, ketidakpakaiannya adalah seperti pada perenggan 7, iaitu :

- (a) Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi seseorang jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran –
 - (i) orang itu telah diberikan apa-apa insentif di bawah APP 1986; atau
 - (ii) orang itu telah diberikan EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967.

2.3 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) 2009 [P.U.(A) 111/2009]

Di bawah P.U.(A) 111/2009, ketidakpakaiannya adalah seperti pada perenggan 6, iaitu :

- (a) Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi seseorang yang dalam tempoh pada atau selepas 10 Mac 2009 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2010 –
 - (i) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (APP) 1986 [Akta 327];
 - (ii) telah membuat tuntutan bagi elaun pelaburan semula (EPS) di bawah Jadual 7A Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967;
 - (iii) telah diberikan suatu pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP 1967; atau
 - (iv) layak bagi suatu pecahan elaun yang lebih tinggi di bawah ACP 1967 atau mana-mana kaedah-kaedah lain yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP 1967.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

3. LAYANAN CUKAI

- 3.1 Bagi menerangkan maksud ketidakpakaiannya di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan), **insentif di bawah APP 1986, EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967 dan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP 1967, adalah berasaskan seseorang (person)**. Ini bermakna, jika seseorang telah memilih untuk menuntut insentif di bawah APP 1986 atau EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967 atau pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP 1967 maka seseorang itu tidak lagi layak menuntut elaun modal dipercepatkan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan). Oleh itu, kadar elaun modal biasa sebagaimana Jadual 3 ACP 1967 adalah terpakai.
- 3.2 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) bukanlah saling eksklusif dengan apa-apa potongan yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan menurut seksyen 154 ACP 1967. Sebagai contoh, jika seseorang telah diluluskan oleh Menteri potongan khas atau potongan dua kali ganda di bawah perenggan 154(1)(b) ACP 1967, seseorang itu masih layak kepada mana-mana Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan).
- 3.3 Sekiranya seseorang telah menuntut elaun di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP 1967 untuk sesuatu aset, seseorang itu masih layak menuntut elaun modal dipercepatkan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) untuk aset-aset lain yang tidak layak mengguna pakai kadar di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP 1967. Ini kerana, pemakaian **elaun di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP 1967 adalah berasaskan aset dan bukannya diberikan ke atas seseorang secara keseluruhan**. Walau bagaimanapun, pilihan kadar di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP 1967 atau mana-mana Kaedah-Kaedah hendaklah konsisten.
- 3.4 Sekiranya sesuatu aset layak kepada suatu kadar elaun permulaan atau elaun tahunan yang lebih tinggi di bawah mana-mana Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan maka seseorang tidak layak memilih Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) yang kadar lebih rendah bagi aset yang sama.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 3.5 Perenggan 71, Jadual 3 ACP 1967 adalah terpakai untuk semua aset termasuk aset yang diberi elaun modal dipercepatkan jika pelupusan berlaku dalam tempoh kurang daripada dua (2) tahun daripada tarikh pemerolehan. Kenaan imbalan yang bersamaan dengan apa-apa elaun perbelanjaan loji yang layak akan dibuat terhadap pemilik aset melainkan atas alasan kematiannya. Mulai tahun taksiran 2009, perenggan 71, Jadual 3 ACP 1967 tidak terpakai bagi kematian pemilik aset atau alasan-alasan yang diterima oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).
- 3.6 Dalam situasi pelupusan terkawal yang berlaku dalam tempoh dua (2) tahun daripada tarikh pemerolehan di mana kadar elaun modal dipercepatkan telah dituntut, perenggan 71, Jadual 3 ACP 1967 adalah terpakai. Kenaan imbalan akan dibuat ke atas pelupus. Penerima akan dibenarkan elaun di bawah Jadual 3 ACP 1967 pada kadar biasa berdasarkan perbelanjaan modal yang layak (QE) yang telah dilakukan. Sekiranya penerima memperolehi aset tanpa sebarang balasan maka tiada sebarang elaun di bawah Jadual 3 ACP 1967 yang layak dituntut kerana penerima tidak melakukan sebarang QE bagi maksud pengiraan elaun di bawah Jadual 3 ACP 1967.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

9 Ogos 2012

s.k: LHDN.01/35/42/51/60-6 Klt. 3